بکراجان نکري قدح دار الامان
**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910
04-774 4643/ 04-733 8717
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Kedah Malaysia where it all began

Rujukan kami : PPN.BN 100-1/9/4(5)
Tarikh : 19 Jamadilakhir 1440
24 Februari 2019

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN**
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL 5 /2019**
**PERMOHONAN KELULUSAN KHAS AP58(a) & AP58(a) (iv)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. AP58(a) ialah kebenaran pembayaran yang memerlukan kebenaran khas bagi membayar/menyelaras baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggungan-pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama. Manakala AP58(a)(iv) pula adalah apabila Bendahari Negeri mendapati sebab-sebab kelewatan itu tidak memuaskan, atau jika ada keraguan atau peruntukan tidak mencukupi, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri bagi mendapat kelulusan.

3. Sehubungan dengan itu, Pihak kami memberi kebenaran khas tersebut selewat-lewatnya sehingga **31 MAC 2019 (AHAD)** untuk dikemukakan selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil 7 Tahun 2018.** Kelewatan mengemukakan permohonan tersebut akan menyebabkan permohonan tersebut tidak akan diluluskan.

4. Pihak Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan adalah di pohon untuk mematuhi arahan operasi ini agar Sijil AP58(a) dan Sijil AP58(a)(iv) dapat diproses untuk pembayaran.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan Unit Bayaran di talian 04-7744605/04-77444609. Kerjasama dan perhatian Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

Rujukan kami : PPN.BN 100-1/9/4(5)
Tarikh : 19 Jamadilakhir 1440
24 Februari 2019

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**'KEDAH AMAN MAKMUR, BERSAMA HARAPAN MAKMURKAN KEDAH'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI ISAHAK BIN MURAT, SDK.,AMK.,BCK.)**
**Pegawai Kewangan Negeri**
**Kedah Darul Aman**

**s.k Bendahari Negeri**
**Kedah Darul Aman**

ZA/AMS